

# PEMIKIRAN PROPAGANDIKAL SYIAH IMAMIAH: RESENSI KRITIS TERHADAP “SYIAH SEBENAR-BENARNYA AHLUSUNAH NABI” KARYA PROFESOR DR. MUHAMMAD TIJANI AS-SAMAWI

## *PROPAGANDIST THOUGHT OF THE SHIA IMAMIYAH: CRITICAL RESPONSE TO THE “SHIAH ARE THE REAL AHLUL-SUNAH” WORK BY PROFESOR DR. MUHAMMAD TIJANI AS-SAMAWI*

NORDI ACHIE<sup>1</sup>

Pusat Penataran Ilmu & Bahasa, Kampus Antarabangsa Labuan,  
Universiti Malaysia Sabah, 87000 Labuan

*nordi@ums.edu.my*

Tarikh dihantar: 23 Mac 2020 / Tarikh diterima: 23 Jun 2020

**ABSTRAK** Makalah ini bertujuan menilai semula pemikiran propagandikal Profesor Dr. Muhammad Tijani as-Samawi, menerusi karyanya, *Syiah Sebenar-Benarnya Ahlu Sunah Nabi* (2007). Kajian ini menggunakan kaedah analisis tekstual (kritikan dokumentatif). Perlu dinyatakan, dalam perkembangan pengaruh Syiah Imamiah di Nusantara, buku ini dinilai penting selepas *Dialog Sunnah Syi'ah, Mengapa Aku Memilih Ahlul Bait?* dan *Akhirnya Kutemukan Kebenaran*. Menerusi karyanya ini, at-Tijani membangkitkan pelbagai isu dan persoalan kontroversial tentang Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) dan Syiah Imamiah (SI). Sasaran at-Tijani ialah sahabat Rasulullah (SAW), tokoh ulama dan pemikiran ASWJ. Menerusi kritikan terhadapnya, kita dapat memaparkan beberapa kelemahannya. Persoalannya, apakah pemikirannya berlunaskan prinsip dan praktik kesarjanaan? Setakat manakah pentafsirannya dapat bersifat ilmiah? Adakah pemikirannya memberikan sumbangan penting terhadap cita-cita murni pendekatan antara mazhab (*taqarrub al-mazahib*)? Dalam proses menilai semula pemikiran at-Tijani, kita tidak memihak kepada mana-mana mazhab kerana setiap sarjana berperanan untuk mencari kebenaran hakiki, bukannya mempertahankan sentimen kemazhaban. Untuk menjelaskan kritikan terhadap pemikiran at-Tijani, kita menggarapnya berdasarkan isi-isi tertentu (Penilaian 1, Penilaian 2 dan selanjutnya).

**Kata kunci:** Pemikiran, propaganda, syiah, khalifah, politik Islam.

**ABSTRACT** This article is intended to re-evaluate Professor Dr. Muhammad Tijani as-Samawi propaganda thinking through his work, “Shia is the real Ahlu Sunah Nabi (2007)”. This study employs textual analysis as a method (critique documentation). It should be noted, in the development of Shia Imami

*influence in the Malay Archipelago, this book is critically important after “Dialogue between the Shi’ite-Sunah: Why I Choose the Ahlul Bait?” and “At last I Found the Truth”. In his work, at-Tijani raises several controversial issues and contradictory questions to the Ahlul Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) and the Shia Imamiyah members (SI). His work specifically targeted the Companions of the Prophet (peace be upon him), scholars and ASWJ thinkers. In this paper, the author identifies and reveal some the underlying weakness of his book. The question is, does the basics of his thinking is based on the principles and practices of scholarship? To what extent his interpretation and moral judgement can be held accountable? Does his thoughts contribute to his pure ambition of taqarib al-mazahib? In the process of re-evaluating at-Tijani thinking, the present author did not favor of any sect because it believes that every scholar plays a role to seek the truth instead of preserving “the truth sect”. To explain the criticism of at-Tijani thinking, the present author works on the specific content (Assessment 1, Assessment 2 and so on).*

**Keywords:** *Thoughts, propaganda, shi’ite, caliph, politics of Islam.*

## PENGENALAN

Menerusi makalah ini, kita mengehadkan 15 aspek penilaian sahaja (sementara 32 aspek yang lain akan disentuh menerusi makalah berasingan). Dalam menilai semula pemikiran at-Tijani, kita berpegang kepada praktik kesarjanaan (sedapat-dapatnya) tanpa memihak kepada mana-mana mazhab, khasnya mazhab kita sendiri iaitu ASWJ. Malah, tanpa sentimen pesimistik, prejudis dan prasangka terhadap Syiah Imamiah (SI). Sebagai sarjana dan profesor, tanggungjawab murni kita ialah memihak dan menegakkan kebenaran secara ilmiah (dengan bersikap jujur dan adil terhadap rakan dan lawan) serta sentiasa menggali hakikat kebenaran, bukannya menyemarakkan propaganda mazhab serta “kebenaran mazhab” masing-masing. Setiap sarjana harus keluar daripada belenggu pemikiran sempit ini. Sungguhpun at-Tijani merupakan sarjana-profesor, sebahagian penghujahannya tidak mencerminkan nilai ilmiah.

Pertama, sebahagian daripada petikan dan pernyataan dalam penghujahannya tidak disertakan sumber. Kita tidak pasti apakah kecuaian ini dilakukan at-Tijani atau kecuaian penterjemah atau kecuaian pencetak. Kedua, sebahagian hadis dan riwayat sejarah tidak dinyatakan statusnya sama ada sahih atau sebaliknya. Ia merupakan pembaziran pena dan minda. Ketiga, terdapat beberapa tuduhan tidak berasas, malah pelemparan persepsi negatif terhadap tokoh-tokoh tertentu, khasnya sahabat Rasulullah SAW. Perlu ditegaskan, karya terjemahan ini merupakan hasil penterjemahan berwibawa, malah terjemahannya tidak pernah dipertikaikan selama ini. Justeru, hasil penterjemahan ini secara relatifnya layak dijadikan sebagai matan kajian; dan penulis tidak merujuk karya asalnya dalam bahasa Arab kerana tidak mahir dalam bahasa tersebut. Tambahan pula, kajian ini merupakan kajian pemikiran, bukannya kajian penterjemahan. Ia merupakan batasan kajian yang harus ditoleransikan. Setakat ini, kita belum mampu menilai semula sebahagian daripada pertuduhan dan pernyataan tersebut kerana kita belum mempunyai asas penghujahan kukuh tentangnya. Keempat, dalam beberapa isu dan persoalan tertentu, kesimpulannya bercanggah dengan pengetahuannya berkenaan dalil-dalil sahih dalam sumber ASWJ. Kelima, kedapatan penghujahannya bersifat propaganda SI, bukan bertujuan mencari kebenaran hakiki.

Bagi pembaca budiman yang kurang arif tentang latar belakang pertikaian antara ASWJ dengan SI, besar kemungkinan mereka terpedaya dengan propaganda at-Tijani. Menerusi perbincangan kerdil ini, kita tidak akan menilai semula aspek pertama dan kedua (melainkan sebagai contoh sahaja) kerana sebahagian besar sumber rujukan at-Tijani (sejarah dan hadis dalam bahasa Arab) tidak ada dalam koleksi kita. Berkenan dengan hadis, kita menyerahkannya kepada ahli hadis untuk menilai. Bagaimanapun, kita tidak menafikan terdapat beberapa mutiara kebenaran dalam karya at-Tijani. Mutiara ini sukar dan jarang kita temui dalam karya ASWJ. Oleh itu, at-Tijani turut memberikan sumbangan penting menerusi karyanya. Malah, antara kelebihan at-Tijani ialah beliau menggunakan sumber-sumber rujukan muktabar ASWJ untuk "menyerang" ASWJ. Seterusnya, buku at-Tijani mengandungi 27 bab, setebal 309 halaman bercetak, termasuk bahagian daftar pustaka (tanpa bahagian indeks). Penterjemahnya, S. Ahmad. Beliau merupakan penterjemahan profesional. Buku ini diterbitkan oleh El Faraj

Publishing, Jakarta. At-Tijani dilahirkan sebagai ASWJ, kemudian menganut mazhab SI. Biodata dan pengalaman hidup at-Tijani turut dinyatakan menerusi buku yang dibincangkan.

## **Penilaian 1**

At-Tijani mendakwa (Muhammad Tijani, 2007: 37), “hampir semua khalifah dari Abu Bakar sampai ke masa pemerintahan Bani Abbasiyah ternyata membenci mereka yang mengikuti Ali dan keturunannya”. Dakwaan ini bermotif jahat kerana mampu mencetuskan api permusuhan antara ASWJ dan SI, khasnya puak fanatik mazhab dan jahil sejarah. Benar bahawa terdapat sebahagian khalifah Bani Umayyah dan Bani Abbasiyah bertindak zalim terhadap pendukung Ali r.a dan keturunannya kerana mereka dianggap sebagai ancaman politik terhadap kuasa Umayyah dan Abbasiyah. Namun, terdapat riwayat sejarah yang menunjukkan Abu Bakar r.a, Umar r.a dan Usman r.a serta Umar Abdul Aziz (sekadar menyebut beberapa contoh) memuliakan dan mengasihi Ali serta keturunannya (As-Suyuthi, 2003: Bab II-IV), malah tidak menzalimi para sahabat yang menyokong Ali dan keturunannya. Sebagai sarjana-profesor, kita percaya at-Tijani maklum tentang riwayat-riwayat ini. Oleh itu, hal seperti ini tidak seharusnya dibangkitkan kerana berupaya membibitkan perasaan benci terhadap sahabat Rasulullah, bahkan tidak selari dengan cita-cita murni *taqarib al-mazahib*. Bukankah at-Tijani sendiri mengatakan beliau menginginkan (Muhammad Tijani, 2007: 39), “kesatuan Islam yang berdasarkan kebenaran dan adil”?

## **Penilaian 2**

At-Tijani memetik (Muhammad Tijani, 2007: 53) hadis Bukhari, “Ali menghindari perjumpaan dengan manusia” sehingga Fatimah meninggal dunia. At-Tijani berkomentar (Muhammad Tijani, 2007: 53), “kalimat ini menunjukkan secara jelas kebencian dan kedengkian yang dihadapi Ali setelah wafatnya Rasulullah.” Komentar ini bersifat melampau seolah-olah menggambarkan permusuhan tajam tercetus antara sahabat Rasulullah. Secara rasionalnya, terdapat dua punca utama “Ali menghindari perjumpaan dengan manusia”.

- Pertama, Ali kesal dengan tindakan sebahagian sahabat Ansar dan sebahagian Muhajirin di Balai Bani Saqifah. Mereka mengangkat khalifah secara tergesa-gesa, tanpa melibatkan dan tanpa persetujuan sebahagian sahabat, khasnya Ahlul Bait Rasulullah (Ibrahim Ali Sya'wat, 2005: Bab III). Secara halusnya, Ali merasakan dirinya diketepikan. Beliau berhak berasa terkilan, di samping sedar ia merupakan ujian dan takdir-Nya.

Apa pun alasannya, mereka tidak harus membelakangi Ahlul Bait Rasulullah kerana Rasulullah pernah memberikan peringatan tegas (hadis sahih), “Aku peringatkan kalian dengan Ahlul Baitku” dan “Berpeganglah dengan Ahlul Baitku”. Berkemungkinan para sahabat di Balai Bani Saqifah terlupa dengan peringatan tegas Rasulullah tadi sebab masing-masing terdesak hendak mengangkat seorang khalifah untuk menggantikan Rasulullah. Secara jujur kita akui, alasan ini pun tidak kukuh. Ia merupakan alasan apologetik yang sering digunakan oleh puak fanatik ASWJ untuk menutupi kelemahan para sahabat.

- Kedua, Ali terkilan dengan tindakan Abu Bakar dan Umar. Mereka menolak tuntutan Fatimah r.a terhadap tanah Fadak (Ibrahim Ali Sya'wat, 2005: Bab III). Abu Bakar berhujah dengan sabda sahih Rasulullah (“Nabi tidak mewarisi”); namun Ali dan Fatimah kelihatan meraguinya kerana mereka sendiri tidak pernah mendengar sabda sedemikian, padahal mereka merupakan kerabat Rasulullah yang terdekat. Kemudian, Ali tidak mahu memperkecohkan tuntutan tersebut kerana beliau tidak mahu mengeruhkan lagi keadaan. Ali bukan sahaja bijaksana, malah berjiwa besar.

Ia merupakan sebab-musabab dalam sejarah. Namun, komentar at-Tijani jelas berupa propaganda mazhab semata-mata. Motifnya adalah untuk menyebarkan sentimen kebencian terhadap sebahagian sahabat, bahkan motif ini cenderung negatif apabila at-Tijani mengatakan, “Tak heran kalau kemudian banyak sahabat yang mencaci dirinya [Ali] jika berjumpa dengannya”. Ia merupakan pertuduhan sumbang kerana tidak disertakan dengan bukti sahih. Beginikah karya tulis yang dikatakan “berdasarkan kebenaran dan adil”? Bagaimanapun, at-Tijani berhak mendapat pembelaan.

Justeru, beliau harus membuktikan benarkah “banyak sahabat yang mencaci dirinya [Ali] jika berjumpa dengannya”? Kita tidak mahu menyalahkan at-Tijani tanpa memberikan peluang kepadanya untuk membela diri.

### **Penilaian 3**

At-Tijani mendakwa (Muhammad Tijani, 2007: 54), “Dan di saat sahabat-sahabat berlomba-lomba untuk menumpuk kekayaan dan hidup dalam kemewahan....” Penyataan ini sangat berbahaya kerana menunjukkan seolah-olah sahabat gila harta, mabuk dunia dan mengabaikan agama. Pertimbangkan dua bidasan ini.

- Pertama, dalam sesetengah riwayat sejarah, khasnya tertulis dalam sumber rujukan ASWJ, dinyatakan sebilangan sahabat mempunyai kekayaan luar biasa ekoran daripada perluasan wilayah Islam dan hasil kemakmuran ekonomi. Hakikatnya, Islam tidak mengharamkan kekayaan, kekayaan bukanlah dosa: asalkan sumbernya halal dan dimanfaatkan mengikut lunas Islam (Afzalur Rahman, 1994: Bab 1).
- Kedua, status riwayat-riwayat ini belum atau tidak diketahui, namun at-Tijani sanggup memperalatkannya untuk memburuk-burukkan keperibadian sahabat Rasulullah. Apabila diperhalusi, at-Tijani menghantar dua mesej tersembunyi kepada pembaca: [i]para sahabat Rasulullah tidak layak menjadi rujukan serta teladan, dan [ii]tinggalkan mazhab kamu (ASWJ), ikutlah mazhab kami (SI). Pendekatan propaganda ini dikenali sebagai geneolitik.

Penulis yakin pembaca budiman mudah terpengaruh dengan strategi taktikal ini. Mereka tidak harus dipersalahkan. Mereka merupakan mangsa pertikaian antara puak fanatik dwimazhab. Dengan membawa dalil-dalil sahih, penulis mempersilakan at-Tijani membuktikan pertuduhan di atas. Penulis mohon kepada at-Tijani supaya tidak memanipulasikan riwayat-riwayat yang tidak atau belum diketahui statusnya kerana riwayat sedemikian tidak mempunyai nilai ilmiah. Namun, penulis menyedari bahawa riwayat sedemikian merupakan senjata ampuh bagi puak propagandis.

## Penilaian 4

Akibat tindakan Umar yang dikatakan mengancam para sahabat meriwayatkan sabda Nabi yang tidak pernah didengarnya atau kurang disenanginya (lihat dua hadis sahih dalam Muhammad Tijani, 2007: 57–59), lalu at-Tijani berpendapat (Muhammad Tijani, 2007: 59), “Kerana ancaman Umar itulah kemudian banyak sahabat yang lebih memilih diam dan tidak mengungkap kebenaran yang sesungguhnya walaupun itu mereka ketahui.” Memang ada sahabat bersikap demikian seperti Ammar Yasir dalam masalah tayamum (Muhammad Tijani, 2007: 59 – hadis sahih), namun dengan mendakwa “banyak” sahabat terus mendiamkan diri akibat ancaman Umar, mengimplikasikan seolah-olah mereka takut dengan Umar, atau lebih teruk lagi, Umar diperlihatkan sebagai individu yang berniat jahat (untuk menyekat Ali sebagai khalifah atau merampas jawatan khalifah daripada Ali). Persepsi negatif ini dapat dibidas dengan dua pertimbangan rasional iaitu:

- Pertama – masakan sahabat takut dengan Umar padahal mereka hanya takut dengan Tuhan. Oleh sebab bergadai nyawa di medan perang pun sahabat tidak takut, inikan pula sekadar ancaman Umar. Pernah diriwayatkan, sebilangan sahabat tidak senang apabila Umar ditunjuk sebagai khalifah kerana Umar dikatakan kasar (keras), namun harus difahami Umar bersikap demikian atas sebab tertentu atau dalam situasi tertentu sahaja. Sikap Umar ibarat laut: apabila datang angin – laut bergelora, jika tidak – laut tenang sahaja (Musthafa Murad, 2007: 160-189).
- Kedua – dalam situasi tegang, ada sahabat yang lebih suka bersikap diam sahaja terhadap Umar. Ia bukanlah kerana takut tetapi mereka bersikap bijaksana kerana mereka tidak mahu membesar-besarkan lagi perkara yang diperdebatkan. Jika berlaku pertengkaran sesama sahabat, akibatnya rosaklah kehormatan dan penghormatan terhadap sahabat.

Di samping itu, dakwaan ini tidak dibuktikan at-Tijani. Demikian juga pertuduhan berat at-Tijani terhadap Umar (Muhammad Tijani, 2007: 59-60), “Dan ternyata banyak bukti-bukti lain yang menunjukkan bahwa memang Umar selalu berusaha mencegah sahabat-sahabat Nabi untuk meriwayatkan

hadits.” Memandangkan at-Tijani tidak membawakan bukti-bukti sahih, beliau tidak berhak menggunakan ayat pembuktian seperti “ternyata”, “bahwa” dan “memang”. At-Tijani harus membuktikan dakwaan-dakwaan ini. Jika tidak dan gagal, ini merupakan fitnah terhadap Umar. Bukankah fitnah lebih berbahaya berbanding pembunuhan?

## **Penilaian 5**

At-Tijani membawakan beberapa riwayat berkenaan tindakan Abu Bakar membakar sejumlah 500 hadis dan Umar pernah membakar beberapa lembaran hadis (tidak diketahui jumlah hadis yang dibakar Umar), dan antara akibat buruknya, at-Tijani berkomentar: “Hilangnya hadits-hadits tentang keutamaan Ali dan keluarganya.” Penyataan ini mempunyai dua keraguan:

- Pertama, bagaimana at-Tijani berkenaan secara pasti hadis-hadis tentang keutamaan Ali dan keluarganya terangkum dalam hadis-hadis yang dibakar Abu Bakar dan Umar? Jelas, ini hanyalah andaian at-Tijani belaka. Beliau berhak membuat andaian, namun hendaklah secara jujur. At-Tijani seharusnya memasukkan perkataan “mungkin” dalam komentarnya (dengan izin), “Mungkin hilangnya hadits-hadits tentang keutamaan Ali dan keluarganya.” Rasionalnya supaya pembaca budiman sedar komentar tersebut bersifat andaian dan kita tidak mempunyai tanggungjawab untuk berpegang dengannya.
- Kedua, at-Tijani menggunakan serangan taktikal, iaitu menjadikan andaian sama dengan kebenaran untuk memperdayakan pengikut mazhab ASWJ. Persoalannya, bagaimana? Apabila diperhalusi, dakwaan at-Tijani (seperti dipetik tadi) mempunyai motif tertentu iaitu menuduh Abu Bakar dan Umar sebagai pemusnah hadis (*sunnah*) secara wenangan. Penyungkilan motif ini menjadi lebih nyata apabila at-Tijani mendakwa (Muhammad Tijani, 2007: 65) tindakan Abu Bakar dan Umar membakar ratusan hadis dengan sebab-sebab tertentu (Muhammad Tijani, 2007: 64–68) mengakibatkan “Islam mengalami kerugian yang sangat besar.” Penyataan ini pun dapat dikritik dari dua sudut: [i]petikan tersebut bersifat simplistik seolah-olah perpecahan umat berpunca daripada Abu Bakar dan Umar, walhal kedua-dua

khalifah ini sangat komitmen terhadap perpaduan umat Islam (Ibnu Katsir, 2004: Bab 3); [ii]Abu Bakar dan Umar tetap tidak dapat membakar hadis-hadis yang dihafal oleh para sahabat dan mana-mana hadis yang telah tersebar dewasa itu.

## Penilaian 6

At-Tijani bertanya sambil menempelak ASWJ (Muhammad Tijani, 2007: 75), “Di mana kalian semua yang mengaku mencintai Ali dan keluarga Nabi serta pengikutnya ketika Ali dikutuk dan dicerca selama beratus-ratus tahun di mimbar-mimbar dan di hadapan umum?” Ia merupakan provokasi emotif yang amat menyentuh jiwa, sekali gus menggugat pendirian ASWJ. Namun, dalam provokasi tersebut terdapat kemosykilan ketara kerana tidak ada bukti sahih yang menunjukkan Ali, keluarga Nabi dan pengikutnya Ali “dikutuk dan dicerca selama beratus-ratus tahun di mimbar-mimbar dan di hadapan umum.” Perhatikan frasa “selama beratus-ratus tahun” – apakah bukti sahihnya? Inilah kemosykilan yang merosakkan akibat provokasi emotif at-Tijani. Jika sejarah diperhalusi secara kontekstual, reaksi ASWJ dapat difahami berdasarkan tiga kelompok.

- Pertama, kelompok ASWJ yang mendiamkan diri kerana bimbang mendapat ancaman berat daripada pihak penguasa, bahkan mungkin ada yang terpaksa bermuka-muka dengan penguasa zalim. Kelompok ASWJ ini secara umumnya berlegar-legar (antaranya) di sekitar Hijaz, Kufah, Basrah dan Damsyik dewasa itu.
- Kedua, kelompok ASWJ yang menentang penguasa zalim namun secara tertutup, atas sebab keselamatan juga. Justeru, penentangan mereka terhadap cacian dan cercaan ke atas Ali dan keluarganya tidak diketahui umum dan tidak tersebar secara meluas.
- Ketiga, kelompok ASWJ yang berani menentang secara terbuka, namun riwayat tentangnya tidak sampai ke tangan kita atas sebab-sebab tertentu, atau sedikit sahaja yang sampai ke tangan kita kerana sengaja dihapuskan oleh pihak penguasa atau terhapus (akibat hilang, terbakar dan sebagainya).

Malah, jika pun benar terdapat bukti-bukti sahih berkenaan kutukan terhadap Ali, keluarga dan pengikutnya selama ratusan tahun itu, harus dipertimbangkan, keadaan para khatib ketika itu dapat dibahagikan kepada dua kumpulan.

- Pertama, khatib daif – mereka terpaksa mengikut perintah penguasa zalim sama ada untuk menjaga periuk nasi masing-masing atau bimbang diri dan keluarga mereka diancam oleh penguasa zalim. Masih ada ruang kemaafan untuk mereka.
- Kedua, khatib duniawi – mereka mempergunakan kesempatan ini untuk mendapatkan habuan *madiyah* (materialisme) daripada penguasa zalim. Sikap buruk puak ini tidaklah mewakili pendirian ASWJ.

Perlu ditegaskan, para ulama tidak akan bersubahat dengan arahan penguasa zalim (Ahmad Izzuddin al-Bayanuni, 2003: 125–126). Inilah dasar pegangan ulama ASWJ. Oleh sebab mereka tidak mampu menentang penguasa zalim dengan tangan dan pena, mereka tetap membenci kezaliman dalam hati mereka. Para ulama ASWJ bukanlah buta kebenaran. Mereka mengarifi kekhasan Ali r.a di sisi Allah dan Rasul-Nya.

## Penilaian 7

At-Tijani mempersoalkan, jika benar kalian (ASWJ) mencintai Ahlul Bait Rasulullah (Muhammad Tijani 2007: 75), “Mengapa kalian lebih menyukai mengikuti Hanafi, Maliki dan Syafi’i?” Petikan ini secara terang-terangan menunjukkan at-Tijani tidak menghormati dan tidak berlapang dada terhadap perbezaan pemikiran (ijtihad) serta meremehkan ketokohan ulama ASWJ. Penyataan di atas dapat disanggah dengan dua bidasan.

- Pertama, berdosakah kita beramal dengan fekah mereka (Hanafi, Maliki, Syafie dan Hambali), khasnya dalam aspek yang menepati al-Quran dan Sunah Rasulullah? Sebaliknya, mana-mana fatwa yang kurang tepat atau kurang sesuai, kita harus meninggalkannya dan berpegang dengan fatwa yang lebih tepat dan lebih bernas. Tidak ada imam mujtahidin yang menyuruh kita bertaklid buta dan fanatik dengan manhaj kefekahan

mereka sahaja. Sebaliknya, kita dituntut berpegang teguh dengan dalil sahih (Kassim Salleh, 1989: Bab 2). Malah, apabila fekah Imam Ja'far as-Sadiq lebih tepat dan lebih praktikal berbanding fekah mujtahid berempat, dalam hal-hal tertentu, kita harus beramal dengannya – yakni, dengan melihat kesahihan dalil dan kekuatan penghujahan masing-masing.

- Kedua, kedudukan lima fekah – Ja'fari, Hanafi, Maliki, Syafie dan Hambali – harus dihormati dan dihargai. Tidak mungkin kita dapat menghapuskannya. Hal yang penting ialah tidak fanatik terhadap mana-mana mazhab kerana kebenaran bukanlah monopoli mana-mana mazhab (Subhi Rajab Mahmasani, 2009). Perlu ditegaskan, apabila kita mengikuti salah satu fekah berempat, bukanlah bermakna kita membenci Ahlul Bait Rasulullah. Setakat pengetahuan kita, tidak pernah Abu Hanifah, Malik, Syafie dan Ahmad Hambali, membenci dan memusuhi Ahlul Bait Rasulullah. Ijtihad bukanlah agama. Orang yang tidak mengikuti mazhab Ja'fari, tidaklah sewajarnya dihukumkan sesat atau kafir kerana mazhab ialah hasil pemikiran keagamaan. Agama ialah dalil (al-Quran dan hadis sahih).

Perkara yang perlu dilakukan at-Tijani ialah mendekatkan perbezaan antara mazhab fekah, malah sedaya mungkin, mencari titik persepakatan bersama. Tindakan menolak mujtahidin berempat atau mempengaruhi ASWJ menganuti mazhab Ja'fari (mazhab fekah Syiah Imamiah) tidaklah sejajar dengan gagasan *taqarib al-mazahib*. Penulis sangat menghormati ketokohan Imam Jaafar as-Sadiq (dipandang maksum oleh Syiah Imamiah), namun pendapat para ulama mazhab Ja'fari, tidaklah maksum – mungkin kuat, mungkin lemah (mungkin tepat, mungkin keliru). Begitu juga dengan pendapat para ulama mazhab ASWJ.

## Penilaian 8

At-Tijani menempelak (Muhammad Tijani, 2007: 86), “ia [Umar Abdul Aziz] tetap ingin agar hadits [mengenai Umar mahupun hadis riwayat] Umar [al-Khattab] pun dicatatkan bersamaan dengan hadits Rasul, seolah-olah Umar itu sejajar dengan Nabi lain yang sedarjat dengan Rasul!”. Persepsi prejudis ini dapat disangkal dengan tingkahan bernes: apakah berdosa menulis hadis dari

Umar atau hadis tentang keutamaan Umar, jika benar hadis tersebut sahih? Perhatikan pula sindiran at-Tijani terhadap Umar al-Khattab, “seolah-olah Umar [al-Khattab] itu sejajar dengan Nabi lain yang sedarjat dengan Rasul!”. At-Tijani bertindak menyerang, bukannya memahami Umar al-Khattab. Beginikah caranya at-Tijani menegakkan kebenaran? Serangan at-Tijani tidak mempunyai nilai ilmiah kerana tidak ada ulama ASWJ mengatakan Umar al-Khattab sedarjat dengan para nabi (Syed Ahmad Semait, 2006: 1–8). Mungkin akibat terlalu benci terhadap Umar al-Khattab, at-Tijani gagal mengawal emosi dalam penghujahannya. Sungguh aneh, seorang sarjana-profesor gagal memisahkan antara nilai ilmiah dengan sentimen kemazhaban, konon kritikannya berdasarkan “kebenaran dan adil.” Kebenaran dan keadilan apakah ini? Ujarnya lagi (Muhammad Tijani, 2007: 86), “Kenapa Umar bin Abdul Aziz tidak meminta imam-imam Ahlu Bait yang ada pada saat itu untuk memberikan *Shahifah al-Jami'ah*? Persoalannya, siapakah yang dapat memberikan jaminan khabar ini benar-benar sampai ke pengetahuan Umar Abdul Aziz? Bahkan, at-Tijani sendiri pun hanya sekadar berspekulasi. Jika benar Umar Abdul Aziz mengetahuinya, mungkin beliau mempunyai kekangan-kekangan tertentu. Kita tidak mahu berspekulasi meleret-leret di sini. Malah, kita juga tidak berhak untuk bercakap bagi pihak Umar Abdul Aziz.

Seterusnya, at-Tijani melontarkan persoalan, “[M]engapakah Umar Abdul Aziz tidak menyuruh mereka [waris Ahlul Bait Rasulullah] mengumpulkan hadits Nabi kerana mereka [merupakan] orang suci [bersih daripada kotoran zahir dan batin] yang paling dekat dengan Rasul dan paling memahami Sunah-sunahnya?” Mungkin, atas sikap berwaspada kerana bimbang terhadap keselamatan diri Umar Abdul Aziz mahupun keselamatan para waris Ahlul Bait Rasulullah. Jika Umar melakukannya, tidaklah mustahil musuh-musuh “dalaman” atau pihak berkepentingan (sekeling Umar) akan menggunakan untuk memburuk-burukkan reputasi Umar; atas dalih Umar cuba melindungi pesaing politik Bani Abbasiyah sendiri iaitu Ahlul Bait Rasulullah (perhatian: persoalan ini memerlukan penelitian lanjutan dan berasingan). Hal yang berbahaya ialah nada tempelakan at-Tijani tadi seolah-olah menggambarkan Umar Abdul Aziz memusuhi Ahlul Bait Rasulullah. Apabila diperhalusi nada penulisannya, tidaklah keterlaluan apabila kita mengatakan at-Tijani kelihatan dirasuki sentimen prejudis. Dapatkah kebenaran hakiki diperoleh dengan prejudis kemazhaban?

## Penilaian 9

Seterusnya, akibat begitu yakin dengan “kebenaran mazhab” dan propagandanya, at-Tijani menyelar ASWJ dengan berkata, “Apakah mereka [ASWJ] takut kalau majoritas Muslim akan beralih nantinya menjadi pengikut Syiah”? Selaran ini berbau angkuh. Kebenaran hakiki berada dalam ilmu-Nya dan kuasa-Nya, bukannya hak eksklusif SI. Apabila kebenaran berada di pihak Ali atau Ahlul Bait Rasulullah, ini bukanlah bermakna kebenaran berada di pihak SI kerana harus dibezakan antara:

- (i) Ahlul Bait Rasulullah, dengan
- (ii) *mazhab* SI, atau *mazhab* Imam 12 atau *mazhab* Ahlul Bait.

Perlu ditegaskan, Ahlul Bait Rasulullah merupakan *hak milik ummah* (perhatian: dicondongkan penulis sebagai tanda penekanan) seluruhnya, manakala mazhab SI merujuk kepada penganut mazhab SI sahaja. Fahamilah, pembaca budiman tidak akan terkeliru. Bagaimanapun, jika benar terdapat pihak tertentu dalam ASWJ menganggap [i]Ahlul Bait Rasulullah hanyalah milik SI sahaja, malah [ii]membenci mereka atau membela Ahlul Bait Rasulullah secara sambil lewa sahaja, urusan mereka kita serahkan kepada Allah. Tidak semua penganut ASWJ bersikap seperti itu. Apabila kebenaran berada dalam tangan SI, kita harus mengakuinya secara jujur dan terbuka, tanpa berdolak-dalik lagi; namun kita tidak perlu keluar daripada ASWJ kerana perpindahan mazhab bukanlah jaminan syurga. Yang dinilai ialah amalan kita, bukannya mazhab (Yusuf al-Qardhawi 2001: Bab 1). Memetik kata-kata at-Tijani sendiri (Muhammad Tijani, 2007: 104), “Cobalah Anda berfikir secara jernih!”

## Penilaian 10

At-Tijani mendakwa (Muhammad Tijani, 2007: 105) para pembesar Quraisy yang “fanatik dan licik” – seperti Abu Bakar, Umar, Usman, Abu Suffian, Muawiyah, Marwan Hakam, Talhah Ubaidillah dan Abu Ubaidah al-Jarrah – “bermusyawarah dan bermuafakat untuk menyebarkan berita-berita palsu di tengah-tengah masyarakat tanpa diketahui oleh orang lain rahasia yang

sebenarnya.” Berdasarkan petikan ini, kita dapat menggambarkan At-Tijani mempunyai dua keberanian, iaitu berani bongkak terhadap para sahabat dan berani melemparkan pertuduhan nista. Memandangkan at-Tijani merupakan sarjana-profesor, kita mohon tanggungjawab ilmiah daripada beliau untuk mengemukakan bukti-bukti sahih bagi membuktikan kebenaran tuduhan. Sebagai sarjana-profesor, at-Tijani tidak harus menyebarkan tuduhan tanpa asas. Tambahan pula, at-Tijani menegaskan, “Dan saya yakin bahwa otak [kejahatan] dari semua ini adalah orang Quraisy”. Jika at-Tijani gagal membuktikannya, bukankah “otak” tersebut adalah dirinya sendiri? Seterusnya, at-Tijani menegaskan (Muhammad Tijani, 2007: 87), “Syiahlah sebenarnya yang memegang teguh Sunnah Nabi”. Penyataan ini ditegaskannya berulang-ulang kali di beberapa tempat dalam bukunya. Penegasan ini harus diperhalusi.

- Jika perkataan “Syiah” dirujuk secara khas kepada para *imam Ahlul Bait Rasulullah*, jelas penegasan ini sangat benar.
- Jika perkataan “Syiah” dirujuk kepada *penganut Syiah*, tidaklah semestinya benar.

Penegasan ini bersifat propaganda. Pertama, dalam karya-karya klasik SI terdapat penghinaan terhadap para imam Ahlul Bait sendiri (Ikhsan Ilahi Zhahir, 1987: Bab III-IV). Kedua, at-Tijani tidak mengemukakan bukti empirikal untuk membenarkan dakwaannya, “Syiahlah sebenarnya yang memegang teguh Sunah Nabi.” Malah, tindakan keterlaluan mereka dalam memperingati tragedi Karbala, pernah diharamkan oleh ulama muktabar SI sendiri iaitu Muhsin al-Amin al-Amili (Musa al-Musawi, 1998: 147).

## Penilaian 11

Menurut at-Tijani (Muhammad Tijani, 2007: 103), “Adapun dalam masalah Akidah, Ahlu Sunah mengikuti Imam al-Asyari.” Petikan ini menunjukkan at-Tijani kurang memahami sejarah pemikiran akidah ASWJ dan dia menggunakan premis pemahaman yang kabur untuk menyerang pemikiran teologi ASWJ. Persangkaan at-Tijani memerlukan dua penjelasan.

- Pertama, dalam aspek akidah (fekah, akhlak dan sirah), ASWJ berpegang teguh dengan al-Quran dan Sunah Rasulullah. Malah, Abu Hassan al-Asy'ari sendiri mengakui bahawa beliau beralih kepada manhaj *Ahlus Sunah* dalam aspek akidah, meskipun sebelumnya (selama 40 tahun) beliau mengikuti manhaj Muktazilah. Berkenaan dengan pemikiran akidah al-Asy'ari, terdapat beberapa kelemahan. Aspek ini telah dikritik para ulama ASWJ sendiri. Ia menunjukkan ASWJ tidak berpegang kepada seluruh pemikiran al-Asyari dalam “masalah Akidah” (A. Hanafi, 2003: Bab II).
- Kedua, dari sudut sejarah perkembangan ilmu kalam (teologi), al-Asyari dianggap sebagai pengasas pemikiran teologi ASWJ kerana beliau merupakan tokoh terawal (atau antara terawal) yang menyusun pemikiran akidah sesuai dengan manhaj *Ahlus Sunah*, khasnya apabila beliau mendebati pemikiran akidah Muktazilah, Mujasimah, Musyabihah dan sebagainya. Hakikatnya, ASWJ berpegang teguh kepada al-Quran dan Sunah Rasulullah dalam aspek akidah, bukannya seluruh pemikiran akidah “Imam al-Asyari” (Muhammad Abdurrahman al-Khumais, 1999: hlm. 4-6).

## Penilaian 12

At-Tijani menuduh (Muhammad Tijani, 2007: 117-118) Abu Hanifah, Malik, Syafie dan Ahmad Hambali “membuat mazhab baru”. Pertuduhan ini bercanggah dengan fakta sejarah. Mereka bukanlah “membuat mazhab baru” kerana mazhab Hanafi, Maliki, Syafie dan Hambali hanya muncul selepas kematian para mujtahid berkenaan. Setiap mujtahid mempunyai pelajar dan pengikut masing-masing. Semakin berkembanglah kelompok tertentu dengan identiti kefekahan tersendiri, berbeza antara satu kelompok dengan kelompok lain (dalam pelbagai aspek tertentu). Dalam situasi inilah, munculnya mazhab-mazhab tertentu, dan nama rasminya disandarkan kepada tokoh mujtahid berempat. Demikianlah gambarannya secara ringkas (Mustofa Muhammad asy-Syak'ah, 1995: Bab V).

Dalam pada itu, at-Tijani menuduh para imam mujtahid (Muhammad Tijani, 2007: 117–118), “membuat mazhab baru berdasarkan qias dan ijtihad yang menentang nash-nash yang jelas,” iaitu al-Quran dan Sunah Rasulullah. Para imam mujtahid berijtihad bersumberkan al-Quran dan Sunah Rasulullah, bukannya “menentang nash-nash yang jelas”. Apabila sesuatu hukum tidak terdapat dalam al-Quran dan Sunah Rasulullah, barulah mereka berijtihad dengan menggunakan kaedah ijtihad masing-masing. Malah, ijtihad ini pun berpaksikan al-Quran dan Sunah Rasulullah, bukannya dilakukan secara wenangan. Namun, dengan mengatakan para imam mujtahid sengaja “menentang” dalil-dalil *qathi*, tidaklah dapat diterima akal sihat. Pertuduhan ini bermotif memburuk-burukkan para imam mujtahid ASWJ, sekali gus mencemarkan nama baik ASWJ dengan menggunakan fitnah ilmiah, bahkan bercanggah pula dengan ajaran murni para imam Ahlul Bait Rasulullah. Pernahkah para imam 12 Ahlul al-Bait mengajar kita supaya memfitnah? Bukankah at-Tijani lebih arif tentang ajaran SI?

Tidak cukup sekadar itu, at-Tijani mendakwa para imam mujtahid (Muhammad Tijani, 2007: 118), “meninggalkan Imam-imam suci Ahlul Bait” yang hidup sezaman dengan mereka dan “tidak mengambil sedikit pun [ilmu] dari ajaran-ajaran” para imam Ahlul Bait; sebaliknya, mereka dituduh “membentuk mazhab baru dengan mengusung namanya” untuk memasyurkan nama mereka sendiri. Marilah kita menilai semula pertuduhan ini secara rasional.

- Pertama, imam mujtahid berempat memahami al-Quran dan Sunah Rasulullah. Allah mengurniakan kepada mereka kecerdasan intelek. Mereka juga mempunyai keperibadian mulia. Oleh itu, mereka layak berijtihad demi kebaikan ummah dan Islam, bukan untuk mengejar popularity seperti yang dibayangkan at-Tijani.
- Kedua, para imam Ahlul al-Bait serta pendukung mereka sentiasa dicurigai, diintip dan diancam (diburu, dibunuhi dan dikenakan tahanan dalam rumah) oleh pihak penguasa. Mereka dilihat sebagai seteru politik paling berbahaya oleh penguasa zalim (bukan semuanya) Bani Umayyah dan Bani Abbasiyah. Justeru, tindakan berguru secara terbuka malah mempunyai hubungan akrab dengan para imam Ahlul

Bait Rasulullah, membahayakan nyawa diri dan keluarga semua pihak yang terlibat. Lantaran itulah, berlaku keterputusan hubungan antara para imam mujtahid dengan para imam Ahlul Bait Rasulullah.

- Ketiga, ilmu Allah sangat luas. Apabila para imam Ahlul Bait serta pendukung mereka ditindas oleh pihak penguasa zalim, Allah mencurahkan ilmu-Nya menerusi minda dan pena para imam mujtahid di luar lingkungan Ahlul Bait Rasulullah. Hasilnya, ilmu-ilmu Islam sentiasa berkembang dan ummah terus mendapat pimpinan keilmuan daripada para imam mujtahid (Abu Hanifah, Malik, Syafie dan Ahmad Hambali). Lihatlah rahmat Allah yang sangat luas. Mustahil para imam mujtahid ini berijtihad untuk tujuan berlagak, menunjukkan keegoan dan kesombongan mereka apatah lagi untuk menyaingi kemuliaan para imam Ahlul Bait Rasulullah. Malah, Abu Hanifah dan Malik pernah berguru dengan Imam Ja'far as-Saddiq sekali gus menghormatinya sebagai ulama Ahlul Bait (Ahmad Zuhdi Ismail, 2008: 23).

Selain itu, Abu Hanifah dipercayai pernah memberikan sokongan secara rahsia kepada Ahlul Bait (seingat kita, pimpinan Zaid – waris keturunan Hussein bin Ali) untuk menentang kezaliman KBU. Anehnya, at-Tijani terlalu pesimistik terhadap para imam mujtahid berempat, akibat sentimen mazhab. Apakah faedahnya? Dalam pada itu, at-Tijani menempelak (Muhammad Tijani, 2007: 119) para imam berempat kerana menggunakan “pikiran sendiri” mencakupi “nama yang bermacam-macam” seperti “Istihsan, Istihsab, Qias, Sad al-Zara'i ataupun Maslahah Mursalah”. Bagi at-Tijani, “semua itu tidak pernah Rasul ajarkan sebelumnya”. Setakat pengetahuan kita, benar bahawa kaedah ini belum muncul pada zaman Rasulullah, namun ini merupakan hasil daripada dinamisme ilmu dan kemajuan intelektual, sejarah dengan perkembangan masyarakat dan persekitaran ummah yang semakin kompleks (H. Amir Syarifuddin, 2008: Bab 1). Hal yang penting ialah kaedah-kaedah tersebut tidak digunakan untuk tujuan mungkar dan maksiat. At-Tijani merupakan sarjana-profesor, namun beliau enggan memahami persoalan ini dari aspek falsafah penyelidikan ilmiah dan dinamisme ilmu.

## **Penilaian 13**

At-Tijani bersumpah (Muhammad Tijani, 2007: 119), “Tidak ada dalil-dalil, baik dari al-Quran maupun Hadits Nabi yang mewajibkan [kita] mengikuti Imam-Imam [berempat] ini”. Sumpah ini benar. Namun – sebagai ulama, mereka layak diikuti kerana “ulama merupakan waris para Nabi”. Ia merupakan hadis sahih (Muhammad Nashiruddin al-Albani, 2009: 85). Lebih-lebih lagi dalam keadaan para imam Ahlul Bait dewasa itu, terus mendapat ancaman berat daripada pihak penguasa zalim sehingga mengakibatkan mereka terasing daripada kehidupan sehari-hari ummah. Bayangkanlah, sekiranya tidak ada para ulama di luar lingkungan Ahlul Bait, besar kemungkinan ummah akan disesatkan oleh puak Khawarij, Murjiah, Muktazilah, Jabariah, Qadariah, Mujasimah, Musyabihah, sufi sesat, ahli dunia, pemalsu hadis dan sebagainya (Shahrastani, 2006: 1–203). Justeru, at-Tijani seharusnya menghargai peranan dan kepentingan para imam berempat ASWJ khususnya dan para ulama di luar lingkungan Ahlul Bait secara umumnya. Mereka berjihad dan berijtihad demi kemaslahatan Islam dan ummah, biarpun mereka bukanlah maksum seperti para nabi dan rasul-Nya. Malang sekali, at-Tijani gagal menilai sumbangan mereka secara rasional. Sentimennya jelas: beliau berprejudis terhadap Abu Hanifah, Malik, Syafie dan Ahmad Hanbal. Apabila diperhalusi semula nada ayatnya, seolah-olah at-Tijani menghasut pembaca budiman secara halus supaya membuang sahaja sumbangan para imam berempat ASWJ.

## **Penilaian 14**

Bagi at-Tijani, hanya seorang sahabat sahaja yang berhak “menjelaskan sunnah-sunnahnya [Rasulullah] kepada manusia” iaitu “Ali” (Muhammad Tijani, 2007: 141–142) kerana Ali merupakan imam maksum (hanya sahaja dikatakan martabat kemaksumam para imam 12 Ahlul Bait tidak mencecah martabat kemaksuman Nabi dan Rasul). Bermakna peranan para sahabat selain Ali, dalam menjelaskan Sunah Rasulullah, jelas dinafikan at-Tijani. Jika benar demikian, apalah peranan sahabat Rasulullah? Sebagai tukang angguk dan tukang tengok sahajakah? Malah, jika kita meneguk mentah-mentah pemikiran sempit at-Tijani, akibat negatifnya ialah sahabat diperlakukan sama seperti manusia robot semata-mata. Pemikiran at-Tijani jelas tidak dapat

diterima akal sihat. Hakikat terpentingnya, Nabi tidak pernah mengharamkan para sahabat menyampaikan dan menjelaskan sunah Baginda, dan nabi tidak pernah mengkhaskan peranan ini kepada Ali sahaja. Jelas, pemikiran at-Tijani bukan sahaja tidak rasional, bahkan dipengaruhi sentimen fanatik terhadap “kebenaran mazhab”nya belaka. Untuk mencari kebenaran, kejahilan pertama yang harus dibuang ASWJ dan SI ialah fanatik mazhab.

### **Penilaian 15**

Hadis “Berpeganglah pada al-Quran dan Sunahku” merupakan hadis mursal. Sahih menurut ASWJ. Mereka mensahihkannya dengan dalil al-Quran. Namun, bagi puak fanatik SI, ia merupakan hadis palsu. Bagaimanapun, pihak SI gagal meruntuhkan dalil-dalil al-Quran yang digunakan ASWJ untuk menyokong hadis “Berpeganglah pada al-Quran dan Sunahku” (Abbas Mutawalli Hammadah, 2001: 42–128). Di sinilah terletaknya asas kegagalan at-Tijani (katanya: “saya akan menjelaskan kepalsuan hadits tersebut”, lihat at-Tijani, 2007: 138), dalam percubaannya untuk menolak (Muhammad Tijani, 2007: 141–142) hadis “Berpeganglah pada al-Quran dan Sunahku”. Hal yang disepakati, malah masyhur dalam penilaian (Muhammad Tijani, 2007: 142) ASWJ dan SI ialah hadis “Berpeganglah pada al-Quran dan Ahlul Baitku”. Dalam permasalahan ini, pendekatan praktikal dan rasional ialah menghimpunkan kedua-dua hadis. Penulis berpendapat hadis-hadis tersebut bersifat saling melengkapi, bukan saling bertentangan antara satu sama lain. Oleh itu, penulis menyimpulkan;

- Hadis “Berpeganglah pada al-Quran” dijadikan sebagai *dasar pegangan* kerana al-Quran merupakan sumber rujukan tertinggi, manakala “[B]erpeganglah … dengan Sunahku” dijadikan sebagai *wahana pentafsiran* al-Quran sekali gus menjadi pedoman hidup Muslim secara menyeluruh.
- Hadis “Berpeganglah pada al-Quran dan Ahlu Baitku” sebagai *pegangan khusus* kerana Ahlul Bait Rasulullah merupakan golongan khusus dalam kalangan sahabat. Terdapat pelbagai ayat al-Quran dan hadis sahih tentang kekhususan Ahlul Bait Rasulullah.

Justeru, saranan ilmiah (tanpa memihak kepada mana-mana mazhab) ialah “Berpegang teguhlah dengan al-Quran, Sunah Rasulullah dan Ahlul Bait Rasulullah”. Bukan sahaja tidak mungkin, bahkan tidak berbaloi (dunia akhirat) sekiranya kita membuang Sunah Rasulullah mahupun Ahlul Bait Rasulullah, apatah lagi mencampakkan kedua-duanya.

## KESIMPULAN

Berdasarkan analisis kritis ini (siri pertama), kita dapat mengesani tiga kelemahan utama pemikiran at-Tijani. Pertama, at-Tijani tidak mempunyai pemahaman jelas dan persepsi jernih terhadap isu dan persoalan yang disentuhnya. Kedua, at-Tijani bersikap fanatik terhadap mazhabnya kerana sebahagian kritikannya tidak berasas. Ketiga, at-Tijani juga teralpa bahawa pendirian puak fanatik ASWJ tidaklah menjadi hujah ke atas golongan kritis ASWJ. Sementara itu, di luar mandala sejarah Islam, ciri-ciri penulisan propagandikal (berbahaya terhadap kebenaran) seperti ini turut berlaku dalam analisis pilihan raya di Malaysia (Nordi, 2018: 223–242).

## RUJUKAN

- A. Hanafi. (2003). *Pengantar teologi Islam*. Jakarta: Pustaka al-Husna Baru.
- Abbas Mutawalli Hammadah. (2001). *Sunnah Nabi: Kedudukannya dalam perundungan Islam*. Johor Bahru: Jahabersa.
- Afzalur Rahman. (1994). *Doktrin ekonomi Islam* (Jilid I). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Izzuddin al-Bayanuni. (2003). *Ahli Sunnah Wal-Jamaah*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Ahmad Zuhdi Ismail. (2008). *Imam Ja'far al-Sadiq*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- As-Suyuthi. (2003). *Tarikh khulafa*. Jakarta Timur: Pustaka al-Kautsar.
- H. Amir Syarifuddin. (2008). *Ushul Fiqh* (Jilid 1). Jakarta: Kencana.
- Ibnu Katsir. (2004). *Al-Bidayah wan-Nihayah: Masa Khulafa'ur Rasyidin*. Jakarta: Darul Haq.
- Ibrahim Ali Sya'wat. (2005). *Kesalahan-kesalahan terhadap fakta-fakta sejarah yang perlu diperbetulkan semula*. Johor Bahru: Jahabersa.
- Ikhsan Ilahi Zhahir (1987) *Syiah berbohong atas nama Ahlul Bait*. Surabaya: Bina Ilmu

- Imam Shahrastani. (2006). *Agama dan ideologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kassim Salleh. (1989). *Ijtihad: Sejarah dan perkembangannya*. Petaling Jaya: Al-Rahaminah.
- Muhammad Abdurrahman al-Khumais. (1999). *Aqidah empat imam mazhab*. Kuala Lumpur: Jahabersa.
- Muhammad Nashiruddin al-Albani. (2009). *Shahih al-Jami' ash-Shaghir* (Jilid 4). Jakarta Selatan: Pustaka Azzam.
- Muhammad Tijani as-Samawi (2007) *Syiah sebenar-benarnya ahlu sunah nabi*. Jakarta: Elfaraj Publishing
- Musa al-Musawi. (1998). *Dedah fahaman Syiah*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Musthafa Murad. (2009). *Kisah hidup Umar Ibn Khattab*. Jakarta: Penerbit Zaman.
- Mustofa Muhammad asy-Syak'ah. (1995). *Islam tidak bermazhab*. Kuala Lumpur: S. Abdul Majeed & Co.
- Nordi Achie. (2018). Analisis tipologi pra-PRU-14 di Sabah: Karakter kosmetik dan komentar kritis. *Jurnal Kinabalu, Keluaran Khas PRU14*, 223–242.
- Subhi Rajab Mahmasani (2009) *Falsafah perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah
- Syed Ahmad Semait. (2006). *Sepuluh yang dijamin masuk syurga*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Yusuf al-Qardhawi. (2001). *Taubat untuk Allah*. Bandar Baru Bangi: As-Syabab Media.

